



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Panduan AML/CFT

Bank Negara Malaysia (BNM) ialah pihak berkuasa berwibawa di bawah **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA)**.

Antara peranan BNM ialah:

- Menerajui pelaksanaan AML/CFT pada peringkat kebangsaan
- Merangka dasar-dasar AML/CFT yang berkesan
- Menerima dan menganalisis Laporan Transaksi Mencurigakan (STR)

## Panduan ini untuk siapa?



Panduan ini disediakan untuk institusi-institusi pelapor di Malaysia yang merupakan Perniagaan dan Profession Bukan Kewangan yang Ditentukan dan Kewangan Bukan Bank (**DNFBPs dan NBFIs**) bagi mematuhi keperluan dalam membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Panduan ini menerangkan keperluan **UTAMA\*** pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) di bawah AMLA, dokumen dasar AML/CFT yang dikeluarkan untuk DNFBPs dan NBFIs (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs dan NBFIs) dan dokumen lain yang dikeluarkan oleh **Bank Negara Malaysia**.

Perniagaan/profesion berikut ialah “**DNFBPs dan NBFIs**” di bawah Dokumen Dasar AML/CFT yang dikeluarkan untuk DNFBPs dan NBFIs:

- Peguam
- Akauntan
- Syarikat amanah
- Setiausaha syarikat
- Peniaga logam berharga atau batu berharga (tukang emas, pemilik kedai emas, dsb)
- Kasino berlesen
- Ejen harta tanah berdaftar
- Institusi perjudian berlesen
- Pemberi pinjaman wang
- Pemegang pajak gadai
- Pemfaktoran dan Perniagaan Pemajakan

**Sila rujuk Jadual Pertama AMLA untuk mendapatkan senarai lengkap dan maklumat lanjut**

**Bank Negara Malaysia**

Jalan Dato' Onn

50480, Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

E-mel: [fied@bnm.gov.my](mailto:fied@bnm.gov.my)

\* Untuk mendapatkan senarai lengkap keperluan AML/CFT, sila rujuk:

- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA)
- Pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan sekatan kewangan sasaran untuk perniagaan dan profesion Bukan Profession Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) dan Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs)(AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs dan NBFIs).

**Penafian:**

Dokumen ini hanya untuk memberikan maklumat umum sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat yang menyeluruh berhubung dengan bidang berkenaan dan tidak wajar digunakan sebagai nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat pada dokumen rasmi bercetak yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta bertentangan dengan maklumat yang tertera pada dokumen ini, maklumat pada Akta dan dokumen rasmi berkenaan harus digunapakai dan diutamakan. Maklumat yang tertera pada dokumen ini adalah tepat pada tarikh cetakan, 1 Februari 2020.

# Apakah yang anda perlu lakukan?



<sup>1</sup> MOHA: Ministry of Home Affairs/Kementerian Dalam Negeri

<http://www.moha.gov.my/index.php/en/maklumat-perkhidmatan/membanteras-pembiayaan-keganasan2/senarai-kementerian-dalam-negeri>

<sup>2</sup> UNSCR: United Nations Security Council Resolutions/ Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Keganasan)

[https://www.un.org/sc/suborg/en/sanctions/1267/aq\\_sanctions\\_list](https://www.un.org/sc/suborg/en/sanctions/1267/aq_sanctions_list) <https://www.un.org/sc/suborg/en/sanctions/1988/materials>

<sup>3</sup> UNSCR: United Nations Security Council Resolutions/ Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Percambahan Senjata Besar-Besaran)

<https://www.un.org/sc/suborg/en/sanctions/1718/materials> <https://www.un.org/en/sc/2231/list.shtml>

<sup>4</sup> UNSCR: United Nations Security Council Resolutions / Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Rejim-Rejim Sekatan UN yang lain)

<https://www.un.org>

<sup>5</sup> Dari tarikh penamatan hubungan dalam urus niaga

<sup>6</sup> Anda perlu memastikan semua STR dikendalikan pada tahap kerahsiaan yang paling tinggi

## Jika anda TIDAK melakukan mana-mana perkara di atas

Seksyen dalam AMLA	Ketidakpatuhan dengan	Penalti Maksimum untuk Setiap Kesalahan
13	Keperluan menyimpan rekod	Denda sehingga RM 1 juta
14	Obligasi untuk melaporkan transaksi mencurigakan kepada BNM	
16	Obligasi untuk melakukan usaha wajar pelanggan	
17	Keperluan untuk menyimpan dokumen sekurang-kurangnya 6 tahun	Denda sehingga RM 3 juta atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk AML/CFT Microsite & borang STR: <http://amlcft.bnm.gov.my>